

UNTUK SIARAN SEGERA

10 Mac 2009

Ulaskan Khazanah mengenai Pakej Rangsangan Kedua, 10 Mac 2009

Oleh Tan Sri Dato' Azman Hj. Mokhtar, Pengarah Urusan

Jumlah Pakej Rangsangan sebanyak RM60 billion secara keseluruhannya adalah cukup besar untuk memberikan kesan segera dan ketara manakala pecahan sebanyak 80:20 (RM48 bilion:RM12 bilion) antara inisiatif sektor swasta/membina keupayaan dan langkah-langkah jaringan keselamatan sosial adalah amat seimbang dan direka dengan baik.

Bagi Khazanah dan syarikat-syarikat di bawah Khazanah, pakej rangsangan ini akan membolehkan kami menggiat dan meningkatkan pelaksanaan rancangan pelaburan di dalam sektor-sektor yang memiliki kesan gandaan ekonomi tinggi, strategik dan berorientasikan perkhidmatan seperti telekomunikasi, riadah dan pelancongan, teknologi (termasuk ICT, industri kreatif dan pembangunan lestari atau teknologi “hijau”), sains hayat, kesihatan dan pertanian. Pelaburan dalam sektor-sektor ini oleh Khazanah dan GLC-GLC utama kami akan berjumlah lebih daripada RM10 bilion, dengan potensi untuk mewujudkan kira-kira 70,000 peluang pekerjaan menjelang 2011.

Sektor-sektor ini, dengan tumpuan yang lebih tinggi kepada pengisian hak milik intelek dan perkhidmatan, merupakan penjana pertumbuhan baru bagi negara dan akan menyokong peningkatan struktur ekonomi yang berterusan. Pelaburan yang dibuat secara khusus dan mengikut sektor ini secara amnya adalah dalam bidang-bidang baru dan secara semula jadi memiliki faktor pemangkin tinggi, seterusnya akan membantu mencetuskan lebih banyak penglibatan sektor swasta pada masa depan.

Perlu juga ditekankan bahawa semua program pelaburan ini melibatkan projek-projek yang “sedia untuk dilancarkan” memandangkan semuanya merupakan hasil daripada pelbagai kajian sektor secara terperinci yang telah pun dijalankan oleh Khazanah, termasuk projek-projek berkaitan zon-zon pelaburan khusus seperti Iskandar Malaysia.

Tamat